

25 MEI 2018

Cubaan orang tengah edar dadah guna kurier gagal

Ms.21

→ JENAYAH

Cubaan orang tengah edar dadah guna kurier gagal

Kuala Lumpur: Cubaan kali pertama seorang lelaki dipercayai 'orang tengah' mengedar dadah bernilai RM529,000 ke Australia menggunakan syarikat kurier di Jalan Chan Sow Lin, di sini, gagal apabila dia diberkas polis Selasa lalu.

Hasil maklumat diterima berhubung bungkusan itu yang dilabel sebagai alat ganti, polis menahan suspek berusia 23 tahun di rumahnya di Puchong Jaya, Selangor.

Pemeriksaan pada bungkusan itu mendapati ia mengandungi 2.65 kilogram kokain yang akan dihantar ke Australia.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman Datuk Kamarulzaman Mamat, berkata suspek yang juga pengangsur dipercayai memainkan peranan sebagai orang tengah untuk menghantar bekalan kokain ke Australia.

Katanya, lelaki itu dibawa ke syarikat kurier berkenaan kira-kira jam 2 petang sebelum polis menemui dadah disembunyikan dalam lapan penyerap hentakan (absorber) kereta yang mahu dihantar ke satu alamat di Australia.

Dadah dirampas bernilai RM529,000

"Dadah dirampas dalam serbuan itu dianggarkan bernilai RM529,000 dengan harga pasaran kira-kira RM200,000 bagi setiap kilogram. Bagaimanapun, dadah itu tidak terkenal di pasaran tempatan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras, di sini, semalam.

Kamarulzaman berkata, pihaknya percaya dadah itu tidak dihasilkan di negara ini.

"Kemungkinan besar Malaysia hanya dijadikan sebagai lokasi transit yang digunakan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa untuk mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Polis percaya suspek adalah orang tengah yang mempunyai kaitan dengan sindiket penyeludupan dadah lebih besar dalam negara dan pada peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, anggota Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) IPD Cheras dan JSJN Bukit Aman melakukan dua serbuan di Jalan Chan Sow Lin dan Puchong Jaya.

Suspek tiada rekod jenayah lampau

"Kami percaya lebih ramai warga tempatan yang mungkin terbahit dalam kegiatan ini dan berharap kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai aktiviti penyeludupan dadah menghubungi polis.

"Pada masa sama, kami masih menyasiat hubungan suspek dengan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa dan individu lain yang terbahit," katanya.

Menurutnya, hasil semakan mendapati suspek tidak mempunyai rekod jenayah lampau dan didapati negatif dadah.

"Dia kini ditahan reman sehingga 29 Mei ini untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan," katanya.

